

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 28 MEI 2016 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Asap debu Gunung berapi Sinabung tak jeaskan Malaysia	BERNAMA
2.	Lebih banyak usaha perlu dilakukan bagi dekati Generasi Y – Abu Bakar	BERNAMA
3.	Recipients of Malaysia Good Design Mark 2015	New Straits Times
4.	Syarikat Malaysia di saran manfaatkan usaha pemantauan media	BERNAMA
5.	Gempa bumi kuat di Kepulauan Fiji	BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 28 MEI 2016 (SABTU)



Asap Debu Letusan Gunung Berapi Sinabung Tak Jeaskan Malaysia

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Tiupan angin barat daya yang lemah dari Sumatera tidak akan membawa asap debu letusan sampai ke negara ini susulan dari letusan Gunung Berapi Sinabung yang berlaku pada 9.30 pagi tadi.

Berdasarkan kenyataan media yang dikeluarkan hari ini, **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui agensinya, MetMalaysia** telah mengemas kini maklumat asap debu gunung berapi tersebut di kawasan ruang udara (FIR) Kuala Lumpur.

MetMalaysia akan memantau dari semasa ke semasa pergerakan asap debu letusan gunung itu dan sekiranya berlaku letusan susulan yang memberi kesan kepada penerangan dalam FIR, nasihat asap debu penerangan akan dikeluarkan.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 28 MEI 2016 (SABTU)



Lebih Banyak Usaha Perlu Dilakukan Bagi Dekati Generasi Y - Abu Bakar

MELAKA, 28 Mei (Bernama) -- Lebih banyak usaha perlu dilakukan bagi mendekati Generasi Y bagi memastikan generasi itu mampu memacu serta mencapai agenda dan kemajuan negara pada masa depan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata ini kerana generasi itu mempunyai pengaruh penting dalam kalangan masyarakat dan memainkan peranan penting dalam pembentukan serta kejayaan sesebuah negara.

"Sebenarnya apa yang kerajaan cuba berikan kepada Generasi Y pada hari ini adalah sama dengan apa yang mereka harapkan antaranya sebuah negara yang maju, makmur dan dapat memberi harapan kepada mereka pada masa hadapan.

"Tetapi pada masa yang sama, Generasi Y ini mahu kerajaan mendekati mereka dan bertanya apa yang sebenarnya mereka inginkan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Terdahulu, beliau merasmikan Karnival Gen Y Malaysia di Hatiku 2016 peringkat Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di sini. Turut hadir Pengarah Bahagian Gerak Saraf dan Pengurusan Isu Jabatan Penerangan Hashim Bedu, Pengarah Jabatan Penerangan Melaka Lim Ann Teck dan Naib Canselor UTeM Prof Datuk Dr Shahrin Sahib.

Sehubungan itu, Abu Bakar berkata sebagai generasi yang memainkan peranan penting, Generasi Y perlu bijak mentafsir setiap isu atau hal yang dipaparkan di media sosial agar tidak mudah terpengaruh sehingga ia dibuktikan sahih.

Beliau berkata golongan berkenaan turut disaran tidak mudah menyebarkan segala maklumat atau berita yang dibaca di media sosial kerana tindakan itu akan memberi kesan negatif sekiranya maklumat tersebut tidak benar.

"Kebanyakan Generasi Y pada masa kini mempunyai pendidikan yang sempurna dan mereka mampu berfikir dengan sempurna. Jadi kita harapkan mereka akan lebih bertanggungjawab dengan semua tindakan yang bakal dilakukan," katanya.

Dalam pada itu, Hashim berkata Jabatan Penerangan kini giat melaksanakan pelbagai program termasuk 'Karnival Gen Y Malaysia di Hatiku' bagi mendekati Generasi Y di peringkat universiti dalam mengenal pasti isu dan masalah yang dihadapi mereka.

Beliau berkata ia kerajaan tidak mahu golongan berkenaan terpinggir atau merasa dipinggirkan dalam apa juga isu berkaitan negara, pembangunan dan pembentukan sebuah negara bangsa.

"Mahasiswa dan mahasiswi adalah golongan yang cukup berpengaruh serta ramai di mana 45 peratus daripada penduduk negara adalah Generasi Y yang berumur 30 tahun ke bawah dan mereka ini merupakan pewaris kepimpinan negara," katanya.

Katanya karnival berkenaan akan diperluaskan di seluruh negara selepas Perlis, Terengganu, Perak, Sabah dan Melaka.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES : MUKA SURAT 11
TARIKH : 28 MEI 2016 (SABTU)



"Design contributes to product differentiation
and hence price differentiation"

YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau
Minister of Science, Technology and Innovation (MOSTI)

RECIPIENTS OF MALAYSIA GOOD DESIGN MARK 2015

A Prestigious Design Award by Malaysian Government



YB Datuk Dr. Abu Bakar Bin Mohamad Diah, Deputy Minister of Science, Technology and Innovation with the creative minds of Malaysia Good Design Mark 2015.



Malaysia Good Design
is a seal of product Design
Excellence in the local market.

For recipient details
kindly visit : www.mrm.gov.my

For further information, kindly contact :

MAJLIS REKABENTUK MALAYSIA
Tel: 603-6203 0030
Fax: 603-6203 0093
E-mail: info@mrm.gov.my
Website : www.mrm.gov.my
facebook/majlisrekabentukmalaysia

Endorsed by



Organised by



**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 29 MEI 2016 (AHAD)



Syarikat Malaysia Disaran Manfaatkan Usaha Pemantauan Media

SINGAPURA, 29 Mei (Bernama) -- Syarikat-syarikat Malaysia disaran melaksanakan langkah pemantauan media dalam operasi sehari-hari serta memanfaatkan kuasa media sosial yang mampu melonjakkan keupayaan mereka, kata firma risikan media berpejabat di Amerika Syarikat, Meltwater Group.

Pemantauan media itu merujuk kepada tindakan menjelaki perbualan dalam bentuk tradisional maupun menerusi media sosial.

"Saluran seperti media sosial misalnya merupakan peluang unik yang dapat menyuntik sentimen negatif atau positif pengguna secara langsung," kata Pengarah Eksekutif Meltwater bagi Rantau Asia Pasifik, John Box kepada Bernama dalam wawancara menerusi emel.

Meltwater adalah antara firma risikan media terbesar dunia dengan rangkaianya di 20 negara dan 41 bandar.

Mengulas lanjut, Box berkata, tindakan mengikuti perbualan dalam talian misalnya, akan membolehkan syarikat berkenaan memiliki kelebihan dari segi kepekaan dan memberi maklum balas secara pantas dan sebaik mungkin.

"Menerusi kecanggihan teknologi, amat penting sebenarnya untuk memiliki keupayaan pemantauan serta seiring dengan apa yang diperkatakan mengenai jenama anda, persaingan serta industri itu sendiri. Ia memberi anda peluang untuk bertindak dan memberi maklum balas terhadap sebarang berita berkaitan syarikat anda," katanya.

Malah, jelas Box, ada entiti Malaysia yang terbukti berjaya mengamalkan pemantauan media oleh Meltwater.

Ini termasuk Kementerian Luar, Lembaga Pelancongan Sabah, World Fish, penyedia rangkaian mudah alih Perfect One Mobile Networks atau P1 serta [Akademi Sains Malaysia](#).

"Pemantauan media ternyata dapat membantu syarikat perniagaan Malaysia kerana ia adalah saluran berkesan bagi mengelak kemungkinan berlakunya krisis. Usaha memantau sentimen terhadap jenama anda misalnya, membolehkan anda bertindak pantas menangani sesuatu perkara sebelum timbul sebarang krisis," katanya.

Selain itu, usaha pemantauan media juga membolehkan syarikat menentukan tahap kejayaan strategi serta kempen mereka.

"Ia dapat membantu syarikat mengumpulkan maklum balas pengguna mereka dan sama ada berita itu diterima media sasaran seperti apakah jenama mereka menjadi bualan ramai serta reaksi positif atau negatif.

"Akses kepada sistem seumpamanya itu dapat meningkatkan tahap produktiviti dalam unit atau bahagian pemasaran dan komunikasi. Malah platform sedemikian turut menjadi gambaran kepada usaha penambahbaikan bagi kempen masa depan demi mencapai keputusan yang berkesan," katanya.

Meltwater turut berpendapat bahawa kehadiran dalam talian turut menjadi alat komunikasi penting dalam masyarakat sekarang.

"Pencarian pantas di (enjin carian) Google misalnya boleh menyuntik atau menjelaskan imej jenama anda," katanya.

Sehubungan itu, Box berkata, adalah penting bagi syarikat untuk sentiasa mengemaskini laman web atau laman media sosial mereka.

"Syarikat yang ada jenama perlu secara aktif berinteraksi dengan pengguna secara dalam talian. Mereka perlu dilihat sebagai peneraju dalam industri berkenaan dan antara kaedah melibatkan pengguna adalah menggabungkan kandungan yang asli atau yang dikumpul. Kandungan asli dalam bentuk artikel sumbangangan dalaman atau rencana pendapat.

"Kandungan yang dikumpul pula merujuk kepada trend atau artikel sedia ada yang berkaitan dengan industri anda," katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 28 MEI 2016 (SABTU)



Gempa Bumi Kuat Di Kepulauan Fiji

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.3 pada skala Richter berlaku di Kepulauan Fiji tengah hari ini.

Menurut **Jabatan Meteorologi** gempa yang berlaku pada 12.08 tengah hari itu berpusat 366 kilometer tenggara dari Pulau Laucaia.

gaimanapun tiada ancaman tsunami, menurut jabatan itu dalam kenyataan di sini hari ini.

-- BERNAMA